



INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepec.com



CABARAN PENGELOLAAN GERAKAN SOSIAL PENDIDIKAN
SEKOLAH AGAMA RAKYAT (SAR) DALAM MENGEKALKAN
IDENTITI KURIKULUM UTAMA: KAJIAN DI KEDAH DAN
KELANTAN

*THE CHALLENGE OF MANAGING THE SOCIAL MOVEMENT OF PEOPLE'S
RELIGIOUS EDUCATION (SAR) IN SUSTAINING THE MAIN CURRICULUM
IDENTITY: A STUDY IN KEDAH AND KELANTAN*

Mohd Syuja Saedin^{1*}, Nor Azlili Hassan², Norazilah Buhari³, Nik Norazira Abdul Aziz⁴

¹ Fakulti Industri Kreatif, Universiti Tunku Abdul Rahman, Malaysia
Email: syuja@utar.edu.my

² Fakulti Industri Kreatif, Universiti Tunku Abdul Rahman, Malaysia
Email: azlili@utar.edu.my

³ Fakulti Industri Kreatif, Universiti Tunku Abdul Rahman, Malaysia
Email: norazilah@utar.edu.my

⁴ Fakulti Industri Kreatif, Universiti Tunku Abdul Rahman, Malaysia
Email: niknorazira@utar.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 27.03.2025

Revised date: 14.04.2025

Accepted date: 15.05.2025

Published date: 05.06.2025

To cite this document:

Saedin, M. S., Hassan, N. A., Buhari, N., & Abdul Aziz, N. N. (2025). Cabaran Pengelolaan Gerakan Sosial Pendidikan Sekolah Agama Rakyat (Sar) Dalam Mengekalkan Identiti Kurikulum Utama: Kajian Di Kedah Dan Kelantan. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10 (58), 324-339.

Abstrak:

Sekolah Agama Rakyat (SAR) telah lama menjadi institusi penting dalam sistem pendidikan di Malaysia, terutamanya di negeri-negeri seperti Kedah dan Kelantan. SAR ditubuhkan untuk memberikan pendidikan agama yang mendalam kepada pelajar di samping kurikulum akademik yang standard. Sejak penubuhannya, SAR telah memainkan peranan penting dalam membentuk generasi muda yang berpengetahuan agama dan kompleks. Namun, wujud pelbagai cabaran yang bukan sahaja boleh menjejaskan kualiti pendidikan yang diberikan tetapi juga boleh menimbulkan kesukaran dalam mengekalkan identiti kurikulum utama mereka. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti dan menganalisis cabaran yang dihadapi oleh gerakan sosial pendidikan Sekolah Agama Rakyat (SAR) di Kedah dan Kelantan dalam usaha mengekalkan identiti kurikulum utama mereka. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif secara analisis bertema yang melibatkan temu bual secara mendalam dengan enam orang informan daripada dua kumpulan sasaran iaitu di Kedah dan Kelantan. Hasil kajian menunjukkan bahawa SAR menghadapi beberapa cabaran utama termasuklah kekurangan sumber kewangan, hubungan yang kompleks dengan pihak kerajaan, serta

DOI: 10.35631/IJEPC.1058023

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)

pengurusan dan penyelarasan yang kurang efisien. Namun, SAR berjaya mengekalkan identiti kurikulum utama mereka melalui pelbagai strategi seperti penglibatan komuniti, inovasi dalam pengajaran, dan penyesuaian kurikulum. Selain memberikan sumbangan yang bermakna kepada pengetahuan sedia ada, kajian ini menyarankan agar pihak berkepentingan memberikan sokongan yang lebih komprehensif kepada SAR untuk memastikan kelangsungan dan keberkesanan pendidikan agama di Malaysia.

Kata Kunci:

Gerakan Sosial Pendidikan, Sekolah Agama Rakyat, Pengelola, Identiti Kurikulum Utama

Abstract:

Sekolah agama rakyat (SAR) has long been an important institution in the education system in Malaysia, especially in states such as Kedah and Kelantan. SAR was established to provide in-depth religious education to students in addition to the standard academic curriculum. Since its inception, SAR has played an important role in forming a young generation with religious and complex knowledge. However, there are various challenges that can not only affect the quality of education provided but can also create difficulties in maintaining the identity of their main curriculum. Thus, this study was conducted to identify and analyze the challenges faced by the social education movements of Sekolah Agama Rakyat (SAR) in Kedah and Kelantan in an effort to maintain their main curriculum identity. This study uses a qualitative approach based on thematic analysis that involves in-depth interviews with six informants from two target groups in Kedah and Kelantan. The results of the study show that SAR faces several major challenges including a lack of financial resources, complex relationship with the government, as well as inefficient management and coordination. However, SAR managed to maintain their main curriculum identity through various strategies such as community involvement, innovation in teaching, and curriculum adaptation. In addition to making a meaningful contribution to existing knowledge, this study suggests that stakeholders provide more comprehensive support to SAR to ensure the continuity and effectiveness of religious education in Malaysia.

Keywords:

Educational Social Movement, People's Religious School, Administration, Main Curriculum Identity

Pengenalan

Pendidikan menjadi wadah utama dalam membangunkan kehidupan dan ketamadunan manusia. Melalui medium ini, pendidikan berperanan sebagai alat melahirkan modal insan yang standard dan holistik merangkumi keilmuan, keimanan, dan amalannya dalam menjayakan pembangunan negara (Muhammad Zulazizi, 2021). Bagi mencapai matlamat tersebut, institusi pendidikan memainkan peranan penting bagi memastikan matlamat tersebut tercapai. Di Malaysia, Sekolah Agama Rakyat (SAR) merupakan salah satu institusi penting yang berperanan dalam sistem pendidikan Islam.

Sistem pendidikan Islam berkembang sejurus kedatangan Islam di Alam Melayu, termasuklah di Kedah dan Kelantan sekitar abad ke-12 (Siti Fathiah, 2024). Sistem pendidikan Islam bermula dari sistem pengajian pondok pada peringkat awal di rumah tokoh-tokoh agama atau

tuan guru dengan bantuan masyarakat tempatan. Pembelajaran secara tidak formal ini berkonsepkan *umumi*. Pada asasnya, sistem pengajian pondok ini merupakan sekolah persendirian yang menawarkan pendidikan asas mata pelajaran agama sebagai teras utama, di samping ilmu kemahiran lain (Azizi & Supyan, 2008). Sistem pengajian pondok bermatlamat menyampaikan ilmu agama berbentuk fardhu ain dan fardhu kifayah seperti

Tauhid, Tafsir dan hadis, selain berperanan untuk membentuk keperibadian Muslim yang sempurna (Ahmad Zulfiqar & Fathiyah, 2021). Kemudian, sistem pengajian pondok mula berkembang luas secara formal kepada sistem berkonsepkan sekolah agama berpaksikan *nizami*. Penubuhan sekolah agama dipelopori oleh Reformis Islam yang pernah menuntut dan melawat Timur Tengah (Mesir) pada penghujung abad ke-19M, kemudian mereka kembali dengan membawa idea pembaharuan untuk membangunkan satu sistem pendidikan. Akhirnya, lahirlah sistem sekolah agama sama seperti yang dijalankan di Timur Tengah (Solahuddin, 2014). Sekolah agama merupakan sistem pendidikan moden yang mendapat kerjasama sepenuhnya daripada rakyat, malahan asas pembangunan sekolah ini juga bersumberkan bantuan dan sumbangan yang diperolehi daripada masyarakat tempatan. Oleh sebab itulah ia dikenali sebagai Sekolah Agama Rakyat (SAR).

SAR sebagai sistem pendidikan moden terus berkembang pada awal abad ke-20. Sekolah agama menjadi opsyen bagi masyarakat Melayu Islam untuk mendapatkan pendidikan dan keinginan masyarakat Muslim untuk menghantar anak ke sekolah agama semakin meningkat (Zainab et al., 2019). Justeru, pada tahun 1960, undang-undang pengajian telah digubal dan satu akta dikuatkuasakan oleh kerajaan iaitu kewajiban menyalurkan pendidikan agama Islam kepada semua pelajar beragama Islam atau di mana-mana sekolah yang memiliki pelajar yang menganut agama Islam (Muhammad Zulazizi, 2021). Intihanya, terdapat kepelbagaian jenis sekolah agama yang wujud dan dilengkapi dengan pelbagai infrastruktur seperti bangunan sekolah, bilik darjah yang dilengkapi kerusi meja, jadual waktu, buku teks, pengkhususan mata pelajaran, pejabat pengurusan dan guru-guru yang mengkhusus kepada bidang keagamaan yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri. Perbelanjaan pengurusan SAR banyak bergantung daripada hasil sumbangan zakat, derma orang awam dan bantuan perkapita dari kerajaan Persekutuan. Namun demikian, bantuan perkapita tersebut telah dihentikan kepada seluruh SAR pada tahun 2002 (Solahuddin, 2014).

Secara asasnya, kurikulum SAR adalah kurikulum agama yang digubal sendiri mengikut ahli lembaga sekolah dan kuasa individu (Zaihan & Ahmad Faisal, 2018) berasaskan kurikulum *Bu'uth Azhari Al-Azhar, Mesir*. Misalnya, pihak Yayasan Islam Kelantan (YIK) di Kelantan dan Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) di Kedah berperanan dalam menggubal kurikulum pengajian dan pelaksanaannya kerana SAR diuruskan di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Seiring dengan perkembangan pendidikan semasa, SAR telah melaksanakan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) pada tahun 2015 berteraskan kurikulum agama Arab dan menjadi identiti utama sekolah tersebut. KBD merupakan gabungan kurikulum *Bu'uth Azhari Al-Azhar, Mesir* dengan kurikulum kebangsaan yang dibangunkan berdasarkan manhaj ahli sunnah wal-jamaah (Firdaus et al., 2019) dengan mengekalkan subjek agama sebagai tunjang utama pendidikan SAR. Kandungan kurikulum Dini mengandungi lima bidang utama iaitu Usuludin (merangkumi bidang Tauhid, Tafsir, Hadis), Syariah (merangkumi bidang al-Quran, Ibadat, Munakahat), *Al-Lughah al-Arabiah al-Muasirah* (merangkumi Kalam, Qiraah, Nahu), *Manahij al-Ulum al-Islamiah* (merangkumi bidang Mantiq dan Fiqh) dan *Al-Adab waal-Balaghah* (merangkumi Adab dan al-Balaghah) dengan menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantarnya (Kamarulzaman, 2020). Kurikulum ini dapat memberi pendedahan awal

dan memenuhi keperluan pelajar Muslim yang ingin mendalami ilmu agama ke peringkat yang lebih tinggi sama ada di dalam dan luar negara (Abd Basit & Hafizhah, 2024). Tambahan pula, kurikulum ini diajar dalam waktu pengajian yang ditetapkan tanpa menyetepikan kurikulum kebangsaan yang menggabungkan mata pelajaran moden lain mengikut peredaran arus perdana seperti Sains, Matematik, Bahasa Inggeris dan sebagainya. Selain itu, kurikulum ini turut membawa beberapa perubahan yang mampu mempertingkatkan keupayaan dan mengembangkan potensi pelajar seperti yang diaspirasikan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) (KPM, 2015).

Kajian ini adalah berfokus kepada SAR di Kedah dan Kelantan kerana SAR berada di bawah kuasa kerajaan negeri. Oleh yang demikian, SAR di kedua-dua negeri ini diurus berdasarkan konsep negeri masing-masing yang diletakkan di bawah kuasa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) atau kerajaan negeri dengan ditadbir urus sepenuhnya oleh Lembaga Pengelola Sekolah (LPS). Namun begitu, aspek pengelolaan SAR di Kedah dan Kelantan adalah bernaung di bawah beberapa gerakan sosial pendidikan. Antaranya ialah pertubuhan Hal Ehwal Sekolah Agama (HESA) di Kedah dan Majlis Pengetua SMU(A) di Kelantan. Sebahagian besar SAR di Kedah adalah di bawah HESA dengan ditadbir urus oleh LPS, manakala SAR di Kelantan pula di bawah seliaan Yayasan Islam Kelantan (YIK), iaitu sebuah badan pendidikan di bawah pentadbiran kerajaan negeri. Kedua-dua badan pengelola ini berperanan penting dalam pengelolaan dan pembangunan sekolah agama agar sistem pentadbiran dan pengurusannya menjadi lebih baik dan teratur (Azizi & Supyan, 2008) termasuklah bertanggungjawab dalam sebarang keputusan dari aspek pengambilan guru, pengambilan pelajar, pelaksanaan kurikulum pembelajaran dan juga sumber kewangan SAR (Nor Raudah et al., 2018). Skop kajian ini akan bertumpu kepada enam orang informan yang merupakan pihak pengelola gerakan sosial pendidikan di Kedah dan Kelantan bagi menjelaskan cabaran pengelolaan SAR melalui pendekatan kualitatif.

SAR telah mengalami transformasi ketara dan anjakan pendidikan yang telah merubah pelbagai aspek seperti kurikulum, kokurikulum, ekuiti dan pelaksanaannya untuk selaras dengan kurikulum kebangsaan (Mohd Syuja et al., 2023). Dalam mendepani cabaran pendidikan semasa, wujud pelbagai cabaran yang bukan sahaja boleh menjejaskan kualiti pendidikan yang diberikan tetapi juga boleh menimbulkan kesukaran dalam mengekalkan identiti kurikulum utama mereka. Salah satunya ialah SAR mula kehilangan kurikulum Diniah sebagai teras utama yang menjadi identiti penting SAR (Azizi & Supyan, 2015). Hal ini telah memberi impak seperti pengabaian dari sudut perubahan isi kandungan, kekangan pelaksanaan bahasa pengantar utama pembelajaran dan menyetepikan peruntukan masa mata pelajaran kurikulum Diniah. Selain itu, penarikan semula bantuan perkapita oleh kerajaan Persekutuan dan penglibatan pengambilalihan SAR sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) yang bermula pada tahun 2005 telah menimbulkan konflik dalam pengurusan hal ehwal SAR antara kerajaan Persekutuan dengan MAIN atau kerajaan negeri. Pertembungan kuasa ini secara tidak langsung telah menyebabkan perjalanan pengurusan dan penyelarasan SAR menjadi kurang efisien kerana pertindanan kuasa antara kerajaan Persekutuan (Kementerian Pendidikan Malaysia), kerajaan negeri (MAIN) dengan LPS. Pertindanan ini berlaku kerana perundangan negara yang menetapkan bahawa kuasa pendidikan adalah di bawah KPM, kuasa agama Islam di bawah MAIN dan kuasa pengurusan SAR di bawah LPS (Mohd Syuja et al., 2023). Hal ini membawa masalah kepada perkembangan SAR kerana tidak pasti pihak manakah sebenarnya yang bertanggungjawab dalam pengelolaan sekolah terutamanya dari aspek agihan bantuan kewangan (Azizi & Supyan, 2015). Isu kedaifan prasarana, kekurangan bahan bantu mengajar, ketidakcukupan elaun guru serta pengurusan pentadbiran yang lemah sering menjadi

permasalahan yang timbul di dalam pengurusan SAR (Aliff Nawi et al., 2023). Lantaran itu, banyak SAR di Kedah dan Kelantan mengalami kemerosotan kewangan dalam mentadbir urus SAR dan menimbulkan dilema baru kepada SAR dari sudut autoriti dan pemilikan kuasa dalam pengurusan.

Permasalahan ini menjadi cabaran kepada pihak pengelolaan gerakan sosial pendidikan SAR, khususnya pihak LPS dalam mendepani anjakan pendidikan pada masa kini untuk mempertahankan identiti kurikulum utama SAR sebagai institusi pembelajaran agama. SAR di Kedah dan Kelantan berobjektifkan matlamat pendidikan yang sama iaitu mengekalkan identiti kurikulum utama. Namun pelbagai cabaran perlu ditanggapi oleh SAR untuk mencapai matlamat tersebut. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti dan menganalisis cabaran yang dihadapi oleh gerakan sosial pendidikan SAR di Kedah dan Kelantan dalam usaha mengekalkan identiti kurikulum utama mereka.

Sorotan Literatur

Pendidikan mengaji al-Quran menjadi asas tidak formal kepada pelbagai lapisan masyarakat dan ini menjadikan pendidikan agama berkembang sehingga kini (Abdullah Ishak, 1995). Semangat pendidikan agama telah wujud sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan seiring dengan semangat untuk membebaskan diri serta maruah daripada cengkaman penjajah. Tindakan penjajah menyediakan sekolah Melayu pada waktu itu tidak mampu untuk menghalang masyarakat Islam untuk terus mendalami ilmu. Kemunculan sekolah agama telah memberi cabaran kepada sekolah Melayu hasil daripada fahaman sekularisme yang telah diserap oleh penjajah dahulu (Hussain & Ashraf, 1979). Sekolah Melayu juga dianggap sebagai satu ancaman kepada agama dan budaya hidup masyarakat Islam (Khoo Kay Kim, 1980).

SAR merupakan insituti pendidikan agama Islam yang terawal masyarakat Melayu di Malaysia (Azizi, 2011). Ianya diwujudkan bagi tujuan menjaga hal ehwal yang berkaitan dengan agama Islam dan dibangunkan agar seiring dengan agama Islam sebagai agama rasmi Malaysia. Beberapa kelemahan dalam pengurusan SAR seperti kekurangan dana bagi menjalankan operasi SAR, tenaga kerja yang kurang terlatih serta permasalahan dalam pertembungan bidang kuasa antara MAIN dan kementerian dikenalpasti sebagai antara cabaran dalam memperkasa SAR (Surita Hartini et al., 2022). Laporan Jawatankuasa Menimbang Bantuan Kewangan Kepada Sekolah-sekolah Agama Bukan Kerajaan (1956) telah menyatakan bahawa kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk mempertimbangkan bagi pemberian dana kepada SAR. Bantuan itu telah dimulakan sejak tahun 1959 dan satu unit perhubungan sekolah di Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah diwujudkan khusus bagi menjaga SAR di bawah bahagian sekolah. Pada tahun 1983, pengurusan SAR telah bertukar kepada JAKIM dan kembali semula kepada KPM pada tahun 2005. Pengambilalihan ini sedikit sebanyak telah menimbulkan konflik dalam pembahagian kuasa. Walaupun pada asasnya SAR diletakkan di bawah kuasa kerajaan negeri, namun KPM melihat SAR adalah sebagai tanggungjawab di bawah seliaanya. Isu berkaitan kewangan boleh memberi kesan dalam menyediakan prasana bangunan sekolah yang mencukupi yang mana akhirnya akan menyulitkan pihak sekolah dan guru dalam melaksanakan tugas mereka (Aliff Nawi et al., 2023).

SAR menggunakan dua bentuk kurikulum iaitu kurikulum kebangsaan dan kurikulum *Diniah* (*Al-Azhar*) yang kekal sebagai identiti kepada SAR (Nor Raudah et al., 2018). Kurikulum kebangsaan adalah berada di bawah seliaan kerajaan Persekutuan manakala kurikulum *Diniah* adalah berada di bawah tanggungjawab pihak LPS. Terdapat SAR yang menawarkan kurikulum *Tahfiz* dan *Diniah*, dan ada juga SAR yang hanya menawarkan kurikulum *Tahfiz*.

Walaubagaimanapun, terdapat juga SAR yang menawarkan ketiga-tiga kurikulum supaya pelajar-pelajar mereka mampu mengikuti sistem persekolahan arus perdana.

Terdapat tiga badan yang berautoriti dalam menentukan dasar pendidikan dan pembangunan SAR. Badan-badan tersebut adalah kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan LPS. Kerajaan Persekutuan merupakan pihak berkuasa atas pendidikan atau pelaksanaan kurikulum kebangsaan di SAR. Kerajaan negeri pula berperanan dalam menguruskan pendidikan agama dan pembangunan SAR melalui Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) atau badan berkanun yang diwujudkan seperti Yayasan Islam Kelantan (Saedin et al., 2023). LPS pula merupakan badan tertinggi dalam carta organisasi yang bertindak sebagai pentadbir SAR. Manakala gerakan sosial pendidikan berperanan sebagai penaung dan pengelola kepada sekumpulan SAR yang berdaftar di bawahnya. Gerakan sosial pendidikan mengalami konflik dua kuasa dalam mengelolakan sekolah iaitu kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan. Pertindanan kuasa pengelolaan SAR berlaku apabila hal ehwal berkaitan pendidikan berada di bawah kuasa kerajaan Persekutuan manakala hal ehwal agama Islam berada di bawah kuasa kerajaan negeri. Penawaran kurikulum kebangsaan di SAR secara khususnya adalah di bawah kuasa KPM, manakala penawaran kurikulum utama adalah di bawah kuasa MAIN. Pengekalan kuasa KPM terhadap pendidikan SAR ini diamalkan sebagaimana termaktub dalam perlembagaan negara dan enakmen kerajaan negeri. Mengikut Perlembagaan Persekutuan dalam Jadual 9, Senarai 1 (Persekutuan), No. 13 (a) pelajaran, termasuk;

Pelajaran rendah, menengah dan universiti; pelajaran vokasional dan teknik;

Manakala, pendidikan Islam dan penubuhan institusi agama termasuk SAR mengikut Perlembagaan Malaysia dari sudut sejarahnya, ia diletakkan dalam hal ehwal agama Islam iaitu di bawah kuasa Raja-raja Melayu dan kuasa-kuasa negeri. Perkara 3(2) dalam Persekutuan Perlembagaan menyebut;

“Dalam tiap-tiap Negeri melainkan Negeri-negeri yang tidak mempunyai Raja, kedudukan Raja sebagai Ketua ugama Islam dalam Negerinya secara dan setakat mana yang diakui dan diisytiharkan oleh Perlembagaan Negeri itu”.

Selain itu, peruntukan bantuan kewangan kepada SAR sebenarnya ada dinyatakan dalam Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan yang selari dengan pengiktirafan agama Islam sebagai agama rasmi negara. Ini bermakna SAR selayaknya mendapat peruntukan tersebut kerana SAR di bawah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan dan tidak hanya menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri yang pada dasarnya mempunyai autonomi di dalam hal-hal mengenai agama. Namun begitu, sehingga ke hari ini, masih belum wujud undang-undang Persekutuan yang memperuntukkan mana-mana akta bagi mengukuhkan jaminan bantuan tersebut kecuali melalui Seksyen 52 Akta Pendidikan 1996 berbunyi seperti berikut;

“Tertakluk kepada apa-apa syarat dan batasan yang difikirkan oleh Menteri patut dikenakan, bantuan kewangan secara sumbangan boleh diberikan daripada wang yang diperuntukkan oleh Parlimen kepada sesuatu institusi pendidikan Islam, yang tidak diselenggarakan oleh Menteri di bawah Akta ini atau oleh Kerajaan sesuatu Negeri dan sama ada yang merupakan suatu institusi pendidikan mengikut pengertian Akta ini atau bukan institusi pendidikan sedemikian, hanya kerana pengajaran di institusi itu adalah terbatas kepada pengajaran agama Islam semata-mata”.

SAR terus berkembang sehingga hari ini dan diuruskan oleh komuniti atau jawantakuasa tertentu. Pembiayaan sekolah ini adalah hasil sokongan masyarakat, bantuan zakat serta yuran bulanan yang sangat minimum. Sumber kewangan utama SAR adalah datangnya daripada kutipan yuran bulanan pelajar. Atas inisiatif sendiri, terdapat SAR yang menubuhkan perniagaan seperti pertanian, koperasi dan runcit di mana hasil keuntungan akan disalurkan kepada sekolah tersebut (Nor Raudah, 2018). SAR semakin mendapat sambutan tinggi kerana keyakinan masyarakat terhadap SAR bukan hanya daripada segi sumbangan akademik malah bagi peningkatan aspek rohani dan sahsiah diri. Perkembangan ini mendorong banyak pihak untuk turut terlibat dalam memastikan SAR terus berkembang seiring dengan institusi pendidikan lain kerana ianya dilihat mampu menghasilkan cendekiawan Islam yang bermutu tinggi (Surita Hartini et al., 2022). Penglibatan pihak sekolah dan sokongan daripada organisasi luar juga penting dalam menjamin kualiti pendidikan agama (Mohammad Irfan et al., 2023). Namun, timbulnya isu seperti kekurangan dana serta pengambilalihan kuasa yang seterusnya mewujudkan masalah ketidakseragaman dalam pengurusan SAR di setiap negeri yang terlibat. Kesemua hasil penemuan kajian yang lepas mengenai cabaran pengelolaan gerakan sosial pendidikan di Sekolah Agama Rakyat adalah ditunjukkan di dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Ringkasan Sorotan Kajian Lepas Mengenai Cabaran Pengelolaan Gerakan Sosial Pendidikan Sekolah Agama Rakyat (SAR)

Tahun	Penulis	Tajuk	Hasil Dapatan
1979	Hussain, S. & Ashraf, S.	<i>Crisis in muslim education.</i>	Kemunculan sekolah agama telah memberi cabaran kepada sekolah Melayu hasil daripada fahaman sekularisme yang telah diserap oleh penjajah dahulu.
1980	Khoo Kay Kim.	Pendidikan ke arah perpaduan: Sebuah perspektif sejarah.	Sekolah Melayu dianggap sebagai satu ancaman kepada agama dan budaya hidup masyarakat Islam.
2011	Azizi Umar	Penginstitution sekolah menengah agama rakyat (SMAR) dalam polisi pendidikan kebangsaan: Satu kajian kes di Kelantan.	SAR merupakan insituti pendidikan agama Islam yang terawal masyarakat Melayu di Malaysia.
2018	Nor Raudah Siren, Ilhaamie Abdul Ghani Azmi, Siti Jamiaah Abdul Jalil & Azrin Ab Majid.	Kepelbagaian pengurusan Sekolah Agama Rakyat di Malaysia.	SAR menggunakan dua bentuk kurikulum iaitu kurikulum kebangsaan dan kurikulum <i>Diniah (Al-Azhar)</i> yang kekal sebagai identiti kepada SAR. Pembiayaan SAR adalah hasil sokongan masyarakat, bantuan zakat serta yuran bulanan yang sangat minimum. Sumber kewangan utama SAR adalah datangnya daripada kutipan yuran bulanan pelajar. Atas inisiatif sendiri, terdapat SAR yang

			menubuhkan perniagaan seperti pertanian, koperasi dan runcit di mana hasil keuntungan akan disalurkan kepada sekolah tersebut.
2022	Surita Hartini Mat Hassan, Mohd Nasir Ayub, Che Khadijah Hamid, Sakinatul Raadiyah Abdullah, Salimah Yahaya & Farahdina Fazial.	Tadbir urusan wakaf pendidikan Sekolah Agama Rakyat (SAR) di Malaysia: Satu tinjauan awal.	Kekurangan dana bagi menjalankan operasi SAR, tenaga kerja yang kurang terlatih serta permasalahan dalam pertembungan bidang kuasa antara MAIN dan kementerian dikenalpasti sebagai antara kelemahan dan cabaran dalam memperkasa SAR.
2023	Aliff Nawi, Noraini Abu Samah, Mohd Faiz Mohd Yaakob, Mat Rahimi Yusof, Mohamad Khairi Othman, Mardzelah Makhsin & Fatin Athirah Zameran.	Isu dan masalah dalam pengurusan dan pelaksanaan pendidikan Islam di Malaysia	Isu berkaitan kewangan boleh memberi kesan dalam menyediakan prasana bangunan sekolah yang mencukupi yang mana akhirnya akan menyulitkan pihak sekolah dan guru dalam melaksanakan tugas mereka.
2023	Mohd Syuja Saedin, Nor Azlili Hassan, Norazilah Buhari, Taufik Latif & Nik Norazira Abd Aziz.	Amalan pendemokrasian pendidikan dalam pengelolaan Sekolah Agama Islam dan Sekolah Cina di Malaysia.	Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan LPS menentukan dasar pendidikan dan pembangunan SAR. Kerajaan Persekutuan merupakan pihak berkuasa atas pendidikan atau pelaksanaan kurikulum kebangsaan di SAR. Kerajaan negeri pula berperanan dalam menguruskan pendidikan agama dan pembangunan SAR melalui Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) atau badan berkanun yang diwujudkan seperti Yayasan Islam Kelantan.
2023	Muhammad Irfan, Sofwan Harun & Tb Farhan Dwi Latif.	Peningkatan mutu pendidikan Islam di era digital: Peluang dan Tantangan.	Penglibatan pihak sekolah dan sokongan daripada organisasi luar adalah penting dalam menjamin kualiti pendidikan agama.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan tematik yang mana ianya melibatkan temu bual dengan enam orang informan daripada dua kumpulan sasaran. Pemilihan informan adalah penting bagi memastikan hasil dapatan memenuhi objektif kajian untuk menjelaskan cabaran pengelolaan gerakan sosial SAR di Kedah dan Kelantan dalam mengekalkan identiti kurikulum utama. Kaedah *purposive sampling* digunakan bagi memastikan pemilihan jumlah sampel yang tepat bagi menjaga kebolehpercayaan terhadap hasil kajian (Friday & Leah, 2024). Kaedah ini dipilih bagi tujuan mengecilkan kumpulan informan dengan cepat dan berkesan. Kriteria yang ditetapkan bagi tujuan pemilihan informan ialah:

- Mempunyai latar belakang perguruan.
- Tahap pengajian sekurang-kurangnya peringkat diploma.
- Pengalaman dalam pengelolaan sekolah sekurang-kurangnya 5 tahun.
- Memegang jawatan tinggi dari sudut kedudukan pangkat, kelayakan dan autoriti.
- Masih aktif melibatkan diri dalam aktiviti sosial pendidikan atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Tiga orang informan daripada Pertubuhan Hal-Ehwal Sekolah Agama (HESA) Kedah Institut dan tiga orang daripada gerakan sosial pendidikan SAR Kelantan telah dipilih bagi proses temu bual yang dilakukan pada 14 Januari 2024. Kesemua informan pernah menjawat jawatan sebagai guru serta mempunyai pengalaman melebihi lima tahun dalam urusan pentadbiran sekolah dan juga merupakan aktivitis sosial dalam bidang pendidikan. Penjelasan data demografik semua informan adalah ditunjukkan di dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 2: Data Demografik Informan

No.	Informan	Tahap pengajian tertinggi	Bidang pengajian	Pengalaman dalam pengajaran (tahun)	Pengalaman dalam pengelolaan sekolah (tahun)
1.	Informan 1	Diploma	Agama	Melebihi 15	11 - 15
2.	Informan 2	Diploma	Pentadbiran Perniagaan	Melebihi 15	11 – 15
3.	Informan 3	Sarjana Muda	Pengajian Islam - Syria	Melebihi 15	Melebihi 15
4.	Informan 4	Sarjana	B. Arab - Al-Azhar P. Islam (Ma) - OUM	Melebihi 15	6 - 10
5.	Informan 5	Sarjana	Syariah Islamiyyah – Al-Azhar Science (Ma) - UUM	Melebihi 15	11 -15
6.	Informan 6	Sarjana Muda	Pentadbiran Pendidikan - OUM	Melebihi 15	Melebihi 15

Sumber : Temu Bual Bersama Informan Kajian

Hasil temu bual ditranskripsi dan dianalisa secara manual bagi tujuan menyokong objektif kajian. Ianya dilakukan dengan mengelaskan data-data tersebut mengikut tema yang telah ditetapkan. Proses pembinaan tema dapatan kajian dilakukan dengan meletakkan kod (coddng) yang dikhususkan untuk sesuatu tema tersebut berserta dengan definisi operasional bagi membantu pengkaji merujuk keterangan tema berpanduan kod yang telah diberikan. Kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian ini melibatkan pengesahan soalan temu bual dan tema yang dibina oleh pakar bidang. Soalan temu bual adalah dibentuk oleh penyelidik dan telah melalui proses penilaian oleh pakar bidang. Rakaman yang dijalankan dalam sesi temu bual adalah rakaman suara. Rakaman suara bagi setiap informan kemudiannya ditranskrip oleh pengkaji dengan kadar segera supaya semua teks transkrip dapat diserahkan kepada informan yang terlibat untuk mereka membaca kembali segala isi perbualan dan keterangan daripada maksud perbualan. Para informan dibenarkan untuk membetulkan fakta yang tersilap seterusnya menandatangani teks transkrip. Pembetulan fakta, pengakuan dan pengesahan informan terhadap data temu bual ini menjadikan kesahan dan kebolehpercayaan terhadap data dapat ditingkatkan.

Cabaran Pertindanan Kuasa Pengelolaan SAR di Kedah dan Kelantan

Pertindanan dua kuasa pengelolaan ini menjadi cabaran kepada gerakan sosial pendidikan untuk mempertahankan kurikulum utama sekolah. Apabila SAR di Kedah dan Kelantan berdaftar dengan KPM dan MAIN, semua pelajar wajib mengambil mata pelajaran akademik dan mata pelajaran KBD sebagai tambahan kepada mata pelajaran kurikulum utama yang sedia ada. Konflik kuasa ini mewujudkan kekaburan dalam menentukan pemilik SAR yang sebenar. Pihak LPS tidak mempunyai kebebasan dalam mempertahankan kurikulum utama sebab mereka terikat dengan syarat-syarat berkaitan kurikulum kebangsaan dan KBD. Selain itu, MAIN juga mempunyai kuasa dalam memantau perkembangan pendidikan Islam dan pembangunan SAR. Jadi, kedua-dua pihak ini mempunyai kuasa pengelolaan terhadap kurikulum utama SAR. Hal ini menyebabkan gerakan sosial pendidikan berada dalam keadaan dilema kerana tidak pasti pihak mana yang lebih berkuasa terhadap SAR. Pertindanan dua kuasa ini secara tidak langsung telah menyebabkan perjalanan pengurusan dan penyelarasan SAR menjadi kurang efisien. Malahan, konflik dua kuasa ini masih berterusan tanpa sebarang titik pertemuan sehingga ke hari ini dalam mencari kuasa penyelarasan antara kedua-duanya (Mohd Syuja et al., 2023). Fakta ini dijelaskan sebagaimana di bawah:

“KPM suruh daftar dengan mereka semua sekali. Jadi pengamal-pengamal sekolah agama rakyat ni bimbang. Bila daftar, mereka memiliki kuasa sepenuhnya. Contohnya sekolah Naim (Maahad Naim Lil Banat) dulu. Kita serah kepada kerajaan pusat, mereka ubah habis dan jadi kurikulum dia. Sekolah di Machang... dia ada contoh dah di Kelantan...” (Informan 4)

Selain itu, SAR juga mengalami konflik dua kuasa pengelolaan iaitu antara kerajaan negeri melalui jabatan agama dan LPS. Hal ini berlaku kerana setiap pihak berkuasa agama negeri mempunyai corak dan gaya pengurusan yang berbeza dalam mengurus dan mentadbir SAR. Ini dapat dibuktikan melalui pernyataan di bawah:

“Kuasa pengawalan di bawah majlis agama Islam. Kuasa YIK menguruskan sekolah. Bermakna YIK sendiri kalau nak tubuh sekolah mesti dapatkan kebenaran daripada majlis agama Islam. YIK ada enakmen dia dan kuasa. Semua kuasa tu datang la bila ada enakmen ini” (Informan 5)

Pertindanan kuasa juga berlaku antara kerajaan negeri dan LPS dalam pentadbiran SAR sekiranya sekolah yang dibina itu berada di atas tanah wakaf negeri tetapi ditadbir oleh LPS dan bukannya oleh jabatan agama negeri. Ini dibuktikan dalam pernyataan berikut:

“Pada kita, kedua-dua tu, lembaga pengelola dan negeri ada kaitan. Jabatan agama dia ada kaitan dengan sekolah tu kerana sekolah tu dibina di atas tanah wakaf yang mengajar agama Islam tetapi sekolah tu pula bukan ditadbir oleh jabatan agama”
(Informan 4)

Pertindanan dua kuasa ini memberi cabaran besar terhadap pengelolaan SAR dalam mengekalkan identiti kurikulum utama. Ini adalah kerana pihak KPM atau MAIN mewajibkan SAR untuk berdaftar sebagai satu langkah untuk mendapat pengiktirafan kerajaan. Dengan adanya pengiktirafan tersebut, pihak kerajaan memberi jaminan akan membantu SAR dengan memberikan bantuan kewangan dan sokongan dalam urusan pentadbiran sekolah. Namun begitu, tidak semua SAR bersetuju untuk berdaftar dengan MAIN kerana mereka bimbang akan kehilangan identiti kurikulum utama (Azizi & Supyan, 2015). Pihak SAR perlu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan untuk mendapat pengiktirafan kerajaan. Antara syarat-syarat tersebut adalah pihak SAR diwajibkan untuk mengambil kurikulum kebangsaan iaitu KBD dan peperiksaan awam seperti Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM). Hal ini dijelaskan dalam pernyataan di bawah:

“Sekolah SAR ni kena berdaftar dengan majlis agama, Kalau tidak, tak dapat bantuan. Ada la beberapa syarat....seperti kurikulum KBD dan ambil peperiksaan SPM”
(Informan 4)

Cabaran pertindanan kuasa ini telah memberi impak kepada kurikulum utama setelah berlakunya pelaksanaan kurikulum yang baharu iaitu KBD dan kurikulum kebangsaan di SAR. Penawaran mata pelajaran bagi kedua-dua kurikulum yang baharu ini akan mengurangkan masa pembelajaran kurikulum utama di SAR. Pihak pengelola juga perlu menambah jumlah tenaga pengajar yang berkelayakan untuk mengajar mata pelajaran akademik dan KBD (Azizi & Supyan, 2015). Ini bermakna, penawaran kurikulum kebangsaan tersebut, bukan sahaja akan mengurangkan penumpuan SAR terhadap kurikulum utama malahan menambahkan kos perbelanjaan sekolah dari aspek pengambilan guru dan kemudahan pembelajaran. Justeru, pihak gerakan sosial pendidikan mengalami dilema untuk menerima tawaran pengiktirafan kerajaan. Terdapat sebilangan SAR yang mendaftar juga untuk kelangsungan pembangunan sekolah walaupun akhirnya terpaksa mengorbankan kurikulum utama mereka. Hal ini diperakui dalam pernyataan berikut:

“Ada banyak sekolah yang dulunya SAR, lembaga terpaksa menyerahkan sekolah kepada kerajaan, jadi SABK kerana masalah kewangan...akhirnya hilang kurikulum asal sekolah”
(Informan 2)

Walaupun mengalami cabaran pertindanan dua kuasa pengelolaan tersebut, pihak SAR mempunyai hak kebebasan dalam memilih atau melantik pengetua. Pengetua berperanan sebagai ketua pentadbir dalam menguruskan hal-ehwal sekolah di bawah seliaan LPS. LPS berperanan melantik pengetua dalam kalangan anak dan waris keluarga terdekat dengan pemilik institusi berkenaan. Ini dijelaskan dalam pernyataan di bawah:

“Penubuhan setiap sekolah terlibat dengan tok-tok guru. Jadi, pembawaannya berbeza sejak dahulu. Contoh di sekolah saya, saya tidak buat temuduga. Bila sebut SAR dengan kepelbagaian pengajian, begitulah juga corak pengurusan. Contoh; Pondok Pak Ya, bila Pak Ya meninggal, anaknya naik. Kalau sekolah saya, pengasasnya Ust. Shauki meninggal, diturunkan kepada Ust. Mad Yahya tapi tiada adik beradik” (Informan 2)

Bagi pentadbiran SAR yang tidak mempunyai pertalian dengan waris keluarga pula, pemilihan pengetua akan dilakukan oleh LPS melalui perbincangan atau mesyuarat. Hal ini disahkan melalui pernyataan berikut:

“Dia lembaga tadbir ni daripada pengerusi sebagai lembaga tadbirlah. Biasanya kita bila nak lantik pengetua, maknanya kita bincanglah kan. Tapi macam guru apa semua, setiausaha lah biasanya sayalah yang lantik”

(Informan 2)

Pengetua berperanan sebagai pentadbir utama bagi hal ehwal sekolah. Selain pelantikan pengetua, LPS juga bertanggungjawab untuk mencari penyelesaian bagi masalah dasar dan kewangan yang dialami oleh sekolah. LPS juga mempunyai hak untuk campurtangan dalam mengawal kurikulum utama sekolah dan merancang pembangunan sekolah. Hal ini dijelaskan oleh dalam pernyataan-pernyataan di bawah:

“Memang lembaga boleh campurtangan sebab sekolah tu sekolah mereka. Milik lembaga. Jadi saya tak nampak kenapa mereka tidak boleh campurtangan. Cuma selalunya 90% lembaga akan serah urusan kepada pihak pengetua. Bila berlaku masalah kewangan atau dasar yang besar, mereka akan buat keputusan”

(Informan 2)

“Campur tangan pihak pengelola terhadap kurikulum utama sekolah iaitu merancang, memastikan ia terlaksana, mengawal kurikulum utama dan memberi nasihat...”

(Informan 3)

Justeru, dapat difahami bahawa pihak LPS adalah pemilik sebenar bagi sesebuah SAR dan mempunyai autoriti dalam pelantikan pengetua sekolah. LPS juga bertanggungjawab dalam mengekalkan kurikulum utama, mendapatkan bantuan dan melaksanakan pembangunan sekolah.

Cabaran dalam Kekurangan Sumber Kewangan SAR di Kedah dan Kelantan

Penubuhan SAR adalah bertujuan untuk memberikan pendidikan agama yang mendalam kepada masyarakat yang berasaskan kebajikan dengan tidak mementingkan keuntungan. Pendanaan kewangan SAR adalah bersumberkan yuran pengajian pelajar, agihan zakat, derma dan bantuan kerajaan. Kekurangan sumber kewangan juga merupakan cabaran yang dialami oleh gerakan sosial pendidikan dalam mempertahankan kurikulum utama SAR.

Lanjutan daripada cabaran pertindanan dua kuasa terhadap pengelolaan SAR ini telah menyukarkan pihak pengelola untuk mendapatkan agihan bantuan kerajaan. Pihak gerakan sosial pendidikan mendapati bahawa punca bagi cabaran tersebut ialah wujudnya kekaburan dalam menentukan pihak KPM atau MAIN sebagai sumber kuasa yang lebih berautoriti dalam menyediakan bantuan kewangan kepada SAR (Azizi, 2011). Pihak gerakan sosial pendidikan

berpandangan bahawa KPM sepatutnya bertanggungjawab dalam menyediakan bantuan kewangan sebagaimana akta yang termaktub dalam perlembagaan. KPM juga perlu berlaku adil dengan memberikan bantuan yang sama sebagaimana sekolah aliran kebangsaan yang lainnya kerana SAR juga mengambil kurikulum kebangsaan dan peperiksaan awam arus perdana.

Namun, keadaan itu tidak berlaku kerana KPM menyatakan SAR adalah hak milik kerajaan negeri dan KPM tidak mempunyai tanggungjawab terhadap SAR yang terdiri daripada kategori sekolah bukan aliran kebangsaan. Manakala pihak MAIN, walaupun mempunyai kuasa terhadap penubuhan dan pendaftaran sekolah, juga tidak dapat memberikan bantuan kerana masih belum wujud undang-undang Persekutuan yang memperuntukkan mana-mana akta bagi mengukuhkan jaminan bantuan tersebut (Azizi, 2011). Contohnya, bantuan kewangan tahunan yang diperoleh daripada KPM melalui JAKIM adalah berbentuk *one-off payment*. Namun begitu, jumlah bantuan ini adalah tidak konsisten, tidak mencukupi dan hanya boleh digunakan untuk tujuan penambahbaikan dan penyelenggaraan sekolah sahaja, sebagaimana dijelaskan dalam pernyataan di bawah:

“Kerajaan bantuannya melalui JAKIM. JAKIM bagi bantuan setahun sekali. Cuma bantuan berbentuk baik pulih, prasarana. Cuma lately makin ketat. Dan skop pun makin kecil. Contoh; 50k buat tembok, buat pagar, tandas”
(Informan 1)

“Mereka bagi untuk penyelenggaraan sekolah saja. Bantuan anak murid tak ada. MAIK dia daripada ni juga, melalui daripada JAKIM juga”
(Informan 4)

Selain itu, MAIN memberikan bantuan zakat kepada pelajar asnaf sahaja dan tidak melibatkan perbelanjaan untuk pembangunan sekolah sebagaimana yang dinyatakan di bawah:

“Kalau zakat ada. Duit zakat untuk pelajar-pelajar asnaf tu ada. Tapi zakatlah. Bukan untuk pembangunan sekolah. Dia untuk diberi kepada asnaf. Dia MAIK, MAIK tu ada juga tapi dia bergantung kepada keperluanlah bukan kata semua sekolah dapat”
(Informan 5)

MAIK juga meletakkan beberapa syarat terhadap SAR dalam pemberian bantuan kewangan. Antara syarat tersebut adalah SAR perlu berdaftar dengan MAIK dan bangunan sekolah SAR mesti dibina di atas tanah wakaf. Sebaliknya, SAR jenis sekolah persendirian dan swasta pula tidak mendapat bantuan sebagaimana dinyatakan di bawah:

“Kami minta tidak dapat. Sebab itulah kami sewa bangunan” (Informan 6)

Justeru, bagi meringankan bebanan perbelanjaan SAR, pihak gerakan sosial pendidikan memohon supaya pihak kerajaan memberikan bantuan perkapita kepada SAR sebagaimana dijelaskan di bawah:

“Cuma masa sekarang dengan ekonomi yang sangat teruk, kita masih boleh mohon sumbangan untuk baik pulih tetapi sangat sukar untuk memohon bantuan untuk pentadbiran, contohnya untuk bayar gaji sebab rakyat lihat

itu sebagai kelemahan pengurusan. Sebab tu, kita mengharapkan perkapita supaya selesai masalah kita”.
(Informan 2)

“Dah 2 bulan tidak bayar gaji guru. Kita nak mohon sumbangan pembangunan dengan rakyat tu sangat mudah. Tapi untuk sumbangan bayar gaji guru, payah. Sumbangan untuk pembangunan tak susah sebab datang daripada rakyat”
(Informan 2)

Sehingga kini sumber dana SAR diperolehi daripada bantuan zakat kerajaan negeri, yuran pelajar dan derma dari masyarakat. Yuran bulanan pengajian yang dikenakan kepada pelajar sebanyak RM300 adalah tidak mencukupi untuk membayar gaji guru, pengurusan, penyelenggaraan sekolah dan sebagainya. Hal ini dibuktikan dengan pernyataan seperti berikut:

“SAR bukan berasaskan keuntungan, tetapi kebajikan. Rakyat bagi derma. Rakyat bagi zakat. Yuran pengajian seorang pelajar purata SAR ialah RM300. Itulah yang akan digunakan untuk semua urusan pentadbiran, gaji guru bil air dan sebagainya. Yuran 300 dah lama dikenakan”
(Informan 2)

Kesimpulan

Kajian ini telah mengenal pasti dan menganalisis cabaran yang dihadapi oleh gerakan sosial pendidikan Sekolah Agama Rakyat (SAR) di Kedah dan Kelantan dalam usaha mengekalkan identiti kurikulum utama mereka. Beberapa cabaran utama yang ditemui termasuklah pertindanan kuasa pengelolaan antara kerajaan negeri dan kerajaan Persekutuan, yang menyebabkan kekaburan dalam menentukan pemilik sebenar SAR dan mengurangkan kecekapan pihak pengurusan. Selain itu, kekurangan sumber kewangan yang mencukupi untuk mengekalkan operasi dan pembangunan sekolah juga merupakan cabaran utama. Walaupun menghadapi pelbagai cabaran, SAR di Kedah dan Kelantan berjaya mengekalkan identiti kurikulum utama mereka melalui penglibatan komuniti, inovasi dalam pengajaran, dan penyesuaian kurikulum.

Kajian ini menyarankan agar pihak berkepentingan memberikan sokongan yang lebih komprehensif kepada SAR untuk memastikan kelangsungan dan keberkesanan pendidikan agama di Malaysia. Disarankan juga agar kerajaan Persekutuan dan negeri memperkenalkan undang-undang atau akta khusus yang menjamin bantuan kewangan yang konsisten dan mencukupi kepada SAR. Ini termasuklah bantuan perkapita yang dapat digunakan untuk membayar gaji guru dan menampung kos operasi sekolah. SAR juga boleh mencari sumber pendanaan alternatif seperti kerjasama dengan sektor swasta, penubuhan perniagaan sekolah dan sumbangan sukarela daripada masyarakat. Kerjasama antara Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) juga perlu dipertingkatkan untuk mengelakkan pertindanan kuasa dan memastikan pengelolaan SAR menjadi lebih efisien. Penglibatan komuniti dalam pengelolaan SAR melalui program kesukarelawan, sumbangan dan kerjasama dengan Organisasi bukan Kerajaan (NGO) juga boleh dijalankan. Selain itu, peningkatan kualiti pengajaran dan kurikulum melalui latihan guru dan penyesuaian kurikulum yang berterusan, serta pembangunan infrastruktur dan akses kepada teknologi pendidikan, juga penting untuk memastikan SAR terus berkembang dan memberikan pendidikan agama yang berkualiti kepada generasi muda di Malaysia. Adaptasi kurikulum seiring dengan integrasi teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran di SAR perlu disesuaikan dengan perkembangan semasa tanpa mengorbankan identiti kurikulum utama SAR. Akhirnya, kajian ini telah

memenuhi objektif kajian dalam menganalisis cabaran yang dihadapi oleh gerakan sosial pendidikan SAR di Kedah dan Kelantan dalam usaha mengekalkan identiti kurikulum utama mereka. Kajian ini memberikan sumbangan yang bermakna kepada pengetahuan sedia ada namun kajian berterusan perlu dijalankan untuk mengenalpasti cabaran baru dan mengembangkan strategi yang lebih efektif dalam pengelolaan SAR di Malaysia bagi memastikan kelangsungan dan keberkesanan pendidikan agama di Malaysia.

Penghargaan

Penghargaan diberikan kepada *UTAR Research Fund IPSR/RMC/UTARRF/2023-C1/M02* untuk projek bertajuk “Cabaran Gerakan Sosial Pendidikan Dalam Mengekalkan Identiti Kurikulum Utama” daripada Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) yang menyumbang kepada penerbitan penulisan artikel ini.

Rujukan

- Abd Basit Abd Rahim & Hafizhah Zulkifli. (2024). Pengetahuan dan kesediaan guru dalam pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*, 6(4), 216-225.
- Abdullah Ishak. (1995). *Pendidikan Islam dan pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Zulfiqar Shah Abdul Hadi & Fathiyah Burhanudin. (2021). Pelaksanaan sistem pengajian pondok di Madrasah Al-Hidayah Hukmiyah, Kedah. *Jurnal Perspektif*, 13(1), 14-25.
- Akta Pendidikan 1996 (Akta 550). (2015). *Peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah terpilih*. Petaling Jaya: International Law Book Services.
- Aliff Nawawi, Noraini Abu Samah, Mohd Faiz Mohd Yaakob, Mat Rahimi Yusof, Mohamad Khairi Othman, Mardzelah Makhsin & Fatin Athirah Zameran. (2023). Isu dan masalah dalam pengurusan dan perlaksanaan pendidikan Islam di Malaysia. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 10 (4), 41 – 55.
- Azizi Umar & Supyan Hussin. (2008). Peranan kerajaan negeri dan pusat ke atas sekolah agama rakyat: Satu kajian masalah pengurusan bersama terhadap pemilikan kuasa. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*, 18 (2), 19-40.
- Azizi Umar & Supyan Hussin. (2015). Peranan negeri dalam memperkukuhkan sistem madrasah di Malaysia: Kajian ke atas pelaksanaan Sekolah Agama Rakyat (SAR) sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). *Journal of Islamic and Arabic Education*, 4 (1), 21-30.
- Azizi Umar. 2011. Penginstitusian sekolah menengah agama rakyat (SMAR) dalam polisi pendidikan kebangsaan: Satu kajian kes di Kelantan. *Tesis Doktor Falsafah*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Firdaus Abdul Fatah, Khadijah Abdul Razak & Maimun Aqsha Lubis. (2019). Pengetahuan pedagogi mata pelajaran syariah Kurikulum Bersepadu Dini di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4 (29), 1-11.
- Friday, N & Leah, N. 2024. Types of purposive sampling techniques with their examples and application in qualitative research studies. *British Journal of Multidisciplinary and Advanced Studies: English Lang., Teaching, Literature, Linguistics & Communication*, 5(1): 90-99.
- Hussain, S. & Ashraf, S. (1979). *Crisis in muslim education*. Jeddah: Hodder & Stoughton, King Abdul Aziz University.

- Kamarulzaman Abdul Ghani. (2020). Pengajaran mata pelajaran agama berasaskan Bahasa Arab dalam Kurikulum Bersepadu Dini. *Seminar Kebangsaan Penyelidikan Dini dan Tahfiz 2020 (SEDITA 2020)*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Maklumat asas pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini*. Putrajaya: BPI.
- Khoo Kay Kim. (1980). Perkembangan pelajaran agama Islam. Dlm. Awang Had Salleh (pnyt.). *Pendidikan ke arah perpaduan: Sebuah perspektif sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Malaysia. (1970). *Perlembagaan persekutuan*. Kuala Lumpur: Government Press.
- Mohd Syuja Saedin. (2022). Pendemokrasian pendidikan dalam pengelolaan sekolah agama Islam dan sekolah Cina di Malaysia: Satu kajian perbandingan. *Tesis Doktor Falsafah*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Syuja Saedin, Nor Azlili Hassan, Norazilah Buhari, Taufik Latif & Nik Norazira Abd Aziz. (2023). Amalan pendemokrasian pendidikan dalam pengelolaan Sekolah Agama Islam dan Sekolah Cina di Malaysia. *International Journal of Modern Education*, 5 (17), 319-338.
- Muhammad Irfan, Sofwan Harun & Tb Farhan Dwi Latif. 2023. Peningkatan mutu pendidikan Islam di era digital: Peluang dan tantangan. *Gunung Djati Conference Series*, (36), 61 – 71.
- Muhammad Zulazizi Mohd Nawi. (2021). Senario penstrukturan Pengajian Islam di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Science*, 6 (1), 57-66.
- Nor Raudah Siren, Ilhaamie Abdul Ghani Azmi, Siti Jamiaah Abdul Jalil & Azrin Ab Majid. (2018). Kepelbagaian pengurusan Sekolah Agama Rakyat di Malaysia. *Jurnal Al-Tamaddun*, 13 (1), 45-56.
- Siti Fathihah Abd Latif. (2024). Penerusan pendidikan agama melalui sekolah naungan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), 1942-1976. *MINDEN Journal of History and Archaeology*, 1 (1), 71-85.
- Solahuddin Ismail. (2014). Transformasi sistem pendidikan Islam di Kedah: Usaha memodenkan disiplin pengajian Islam. *Wacana Pendidikan Islam Siri ke-10, Kota Kinabalu*, 1-11.
- Surita Hartini Mat Hassan, Mohd Nasir Ayub, Che Khadijah Hamid, Sakinatul Raadiyah Abdullah, Salimah Yahaya & Farahdina Fazial. (2022). Tadbir urus wakaf pendidikan Sekolah Agama Rakyat (SAR) di Malaysia: Satu tinjauan awal. *Proceedings Borneo Islamic International Conference*, (1), 108 – 112.
- Zaihan Hairuzialani Mat Jusoh & Faisal Abdul Hamid. (2018). Sejarah perkembangan kurikulum pendidikan Islam tradisional di Selangor. *Journal al-Muqaddimah*, 6 (2), 41-56.
- Zainab Ismail, Wan Ibrahim Wan Ahmad, Salasiah Hanin Hamjah, Rosmawati Mohamad Rasit, Hasanah Abd Khafidz & Muhamad Faisal Ashaari. (2019). Senario pendidikan Islam dan hala tuju dalam sistem pendidikan Malaysia. *Al-Hikmah*, 11 (2), 37-53.